

15 FEB 2003

Mahathir-Palestin (Bergambar)/I

MALAYSIA AKAN BERBUAT SEDAYA YANG BOLEH BANTU WARGA PALESTIN

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan berbuat sedaya yang boleh untuk membantu penduduk Palestin yang menjadi mangsa keganasan Israel walaupun menyedari ia tidak dapat berbuat.

"Saya rasa kita tidak boleh berbuat banyak, apa yang kita boleh buat ialah tingkatkan kesedaran umat Islam dan bukan Islam mengenai isu itu supaya mereka dapat membuat penghakiman lebih baik akan nasib rakyat Palestin.

Beliau berkata demikian kepada lebih 20 warga Palestin yang mengadakan dialog bersama Dr Mahathir di kediaman rasminya di Sri Perdana di sini.

Perdana Menteri berkata walaupun bilangan rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman Israel adalah jauh lebih tinggi berbanding mereka yang mati dalam serangan pengganas di Pusat Dagangan Dunia di New York pada 2001, banyak daripada masyarakat antarabangsa masih menyedari kesengsaraan yang dilalui oleh rakyat Palestin.

"Kami memang memahami kesengsaraan yang anda telah lalui dan kami memberi jaminan yang kami akan berbuat apa sahaja yang boleh untuk membantu," katanya.

Dr Mahathir berkata memandangkan ancaman perang sekarang ini, penduduk dunia buat pertama kali menyedari betapa buruknya perang itu.

Penduduk dunia kini bangkit menentang perang dan jika dunia boleh menolak peperangan maka ia juga akan dapat memahami nasib Palestin.

"Kita perlu tingkatkan kesedaran dunia akan masalah ini dan pembunuhan rakyat Palestin bukan cara menyelesaikan konflik ini," katanya.

Perdana Menteri berkata sementara serangan 11 Sept 2001 memberi gambaran mereka yang mendalangi serangan itu adalah dasyhat tetapi pihak Israel bertindak lebih kejam terhadap rakyat Palestin.

Dr Mahathir berkata beliau telah memberitahu Presiden Yasser Arafat yang masalah Palestin akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan tetapi "penduduk di situ begitu menyayangi negara mereka sehinggakan mereka sanggup mengorbankan diri".

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak menentang orang Kristian ataupun Yahudi tetapi apabila tanah yang dimiliki oleh umat Islam dirampas dan mereka terpaksa bertindak balas dan tindak balas ganas adalah satu-satunya pilihan.

"Dunia tidak dapat membanteras serangan pengganas. Para pemimpin harus tahu yang selagi mereka tidak selasai masalah Palestin mereka tidak akan dapat menyelesaikan masalah keganasan," kata beliau lagi.

Beliau berkata memandangkan serangan pengganas orang ramai kini hidup dalam ketakutan di mana kereta-kereta kebal ditempatkan di lapangan terbang dan pihak tentera meronda jalan-jalan.

"Mereka takut untuk mengembara, untuk menjalankan perniagaan dan ini tidak akan berhenti sehingga kita menemui penyelesaian bagi masalah Palestin," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berdepan dengan ancaman pengganas selama 42 tahun dan ia berjaya mengatasinya bukan menggunakan senjata sahaja tetapi juga minda.

Dr Mahathir menyeru pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan supaya berjuang untuk keamanan dan beritahu kerajaan masing-masing yang keamanan adalah penting untuk dunia.

"Apa yang kita boleh buat ialah timbulkan kesedaran dunia mengenai

masalah Palestin kerana bilangan mereka yang mati di situ adalah jauh lebih ramai daripada mereka yang meninggal dunia di Pusat Dagangan Dunia," katanya.

Beliau berkata dunia memerlukan keamanan dan perang bukan penyelesaian dalam mencapai ini.

"Perang sesuatu yang dashyat. Ia menyebabkan ramai yang terkorban, mencacatkan orang dan mereka yang tidak berdosa turut terbunuh. Kita tidak mahu peperangan tetapi mahukan keamanan yang dirundingkan."

"Ada antara Ngo menentang peperangan. Dengan momentum terus meningkat anda mesti menyedari yang semasa Perang Vietnam, bantahan pertama adalah kecil tetapi ia menjana momentum sehingga berjuta-juta orang mengadakan demonstrasi membantah peperangan dan bantahan itu khasnya ditujukan kepada Amerika," katanya.

Dr Mahathir juga berkata buat masa ini nampaknya berlaku pergerakan anti peperangan yang besar di seluruh dunia.

"Saya tidak bersetuju dengan demonstrasi tetapi dalam kes ini kita perlu menunjukkan perpaduan kita bersama mereka yang lain dalam membantah menentang peperangan," katanya.

-- BERNAMA

SR RV PR